

Pemimpin S46 ingin sertai
semula UMNO

Tidak akan diberi istimewa — Mahathir

UMNO 29 Mac 1991
Oleh
Zaini Hassan

KOTA BAHARU 28 Mac. — Presiden UMNO, Dato' Sri Dr. Mahathir Mohamad hari ini menjelaskan, parti itu tidak akan memberi keistimewaan kepada mana-mana pemimpin Parti Semangat 46 yang keluar daripada parti itu untuk menyertai semula UMNO.

Beliau menegaskan, UMNO tidak pernah menjanjikan sebarang hak keistimewaan kepada sesiapa pun.

"Semua orang yang masuk ke dalam UMNO mendapat tempat dalam parti melalui proses yang ditetapkan," katanya kepada para pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Kelantan kali pertama di sini hari ini.

Perdana Menteri berkata, dalam mesyuarat yang diadakan itu beberapa persoalan ditimbulkan sama ada UMNO sedia menerima semula pemimpin dan ahli 46 yang keluar daripada parti itu.

Kata Dato' Sri Dr. Mahathir, sebagaimana yang telah ditegaskan sebelum ini UMNO sanggup menerima sesiapa sahaja menjadi ahlinya asalkan mereka terdiri daripada orang Melayu dan bersetuju menerima dasar perjuangan parti.

"Ini bukan sesuatu yang luar biasa. Kalau ada permohonan, kita akan timbangkan seperti biasa, seeloknya sesiapa yang hendak masuk UMNO buatlah permohonan tersebut melalui cawangan-cawangan UMNO yang ada," jelas beliau.

Dato' Sri Dr. Mahathir berkata, sekiranya terdapat sebarang masalah ber-

hubung soal keahlian, UMNO akan membuat pertimbangan melalui Majlis Tertinggi.

Mesyuarat Badan Perhubungan UMNO Negeri Kelantan yang berlangsung hampir tiga jam juga bersetuju mewujudkan kerjasama istimewa antara badan tersebut dengan UMNO di seluruh negara dalam usahanya untuk mengukuh dan sekaligus memerintah semula negeri ini.

Mesyuarat juga bersetuju menubuhkan sebuah Jawatankuasa Bersama antara UMNO Kelantan dan UMNO Terengganu bagi menyelaraskan segala susunan kerja dan kegiatan parti di kedua-dua buah negeri tersebut.

Dato' Sri Dr. Mahathir yang mempengerusikan mesyuarat tersebut berkata, kerjasama istimewa itu akan dibahagikan di antara bahagian-bahagian UMNO negeri ini dengan Badan Perhubungan UMNO di negeri-negeri lain.

"Umpamanya, Bachok dan Kuala Krai akan bekerjasama dengan UMNO Johor, Pasir Putih dan Pengkalan Chepa - Terengganu, Nilam Puri-Selangor, Tumpat - Kedah, Rantau Panjang - Perak, Gua Musang-Negeri Sembilan, Kota Bharu - Wilayah Persekutuan, Kok Lanas - Pahang, Machang - Pulau Pinang, Tanah Merah - Melaka," jelas beliau.

Turut hadir dalam mesyuarat perhubungan itu, ialah bekas Pengerusi Perhubungan, Tan Sri Haji Mohamad Yaakub, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Negeri, Senator Haji Annuar Musa, Ketua Penerangan UMNO, Dato' Haji Hussein Ahmad, Ketua Wanita UMNO Negeri, Hajah Zaleha Hussin dan hampir kesemua ketua-ketua bahagian.